

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAN  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** **BUKAN LISAN**  
**DARIPADA :** **YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**  
**[KUANTAN]**  
**TARIKH :**  
**SOALAN :**

**YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-**

status terkini Hospital Bera yang tergendala dan sama ada tindakan ada diambil ke atas pemaju.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Projek Hospital Bera (40 katil) dilaksanakan melalui dua (2) Fasa :

Fasa I (Kerja-kerja Tanah) : kerja-kerja ini telah dimulakan pada 15 Oktober 2010 dan siap pada 26 Jun 2011.

Fasa II (Kerja-kerja Bangunan) : bagi kerja-kerja dalam Fasa II, kontraktor telah masuk tapak pada 10 Julai 2012 dan tarikh siap asal adalah pada 9 Januari 2015. Projek Fasa II sekarang dijangka siap pada 19 Oktober 2015, selepas Lanjutan Masa (EOT) sebanyak 283 hari diluluskan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR).

Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), agensi pelaksana projek ini telah mengeluarkan Notis untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kontraktor pada 27 November 2014. Sejak pengeluaran notis berkenaan, kontraktor telah mengambil langkah-langkah berikut:

- i. Membuat penyusunan semula organisasi di tapak bina dengan meletakkan Pengarah Projek sepenuh masa di tapak bina;
- ii. Merancang semula pelaksanaan dan mengemukakan penjadualan kerja yang baru;
- iii. Menambah bilangan pekerja di tapak selaras dengan jadual;
- iv. Mengatasi masalah kewangan; dan
- v. Menyelaras semula sub-kontraktor dan pembekal (perbincangan dan pertukaran)

**Tuan Yang Dipertua,**

Terdapat peningkatan prestasi kemajuan di tapak, namun demikian masih kurang daripada yang dirancang. JKR sedang menjalankan pemantauan rapi atas pelaksanaan projek dan sekiranya prestasi kontraktor masih tidak meningkat seperti mana dikehendaki, tindakan tegas akan diambil yang juga termasuk tindakan penamatan pengambilan kerja kontraktor.